


8 - 18 Januari, 2025

# 10 HARI BERDOA

Untuk Kanak-kanak



Adventist  
Children's Ministries

*Doa Tuhan Yesus*

# Hari 1

## Berbual dengan Ayah



Ayah sedang duduk di kerusi malas kegemarannya. Dia tersenyum kepada Katie dan Kenny dan menghulurkan tangannya. Mereka berlari kearahnya, sambil ketawa dengan penuh kasih dan kegembiraan. Ayah memeluk mereka dalam pelukannya ketika mereka naik di pangkuannya. Katie dan Kenny adalah pasangan kembar, dan setiap petang selepas makan malam, mereka akan beribadah bersama-sama. Mereka suka masa yang selesa dan menyenangkan ini apabila mereka berpelukan, ketawa, berbual tentang hari mereka, dan berdoa bersama-sama. Ayah sedang mengajarkan kepada mereka tentang doa istimewa yang diajarkan Yesus kepada murid-muridnya.

"Saya sayang awak, Katie! Saya sayang awak, Kenny! Saya sangat gembira saya adalah ayah kamu." Ayah mencium kepala mereka yang berambut keriting.

"Saya sayang awak, ayah!" Katie mencium pipinya.

"Saya gembira awak juga ayah saya!" bisik Kenny ke telinganya. Mereka memberitahu ayah berita gembira mereka! Keputusan peperiksaan mereka di sekolah, dan juga jemputan ke parti Sammy.

Apakah perkara yang paling menyedihkan berlaku hari ini? Tanya ayah. Kenny memberitahunya tentang seorang budak lelaki yang berlaku jahat kepadanya.

"Oh Kenny, ayah minta maaf hal sedemikian berlaku. Apa yang ayah boleh lakukan untuk membantu awak berasa lebih baik?" Kenny tidak pasti, tetapi dia berasa lega dapat memberitahu ayah akan hal itu.

Katie pula berasa sedih kerana kehilangan patung beruang kesayangannya.

"Ayah akan membantu awak mencari teddy sebelum tidur" Ayah menghibur Katie.

Ayah memeluk mereka semasa mereka berdoa. "Kamu tahu bagaimana kita berpelukan dan berbual setiap hari? Ianya seperti waktu istimewa kita bersama dengan Tuhan! Dia mengasihi kita dan Dia sangat suka apabila kita berbual dengan-Nya. Dia menghiburkan kita ketika kita berasa sedih, dan Dia gembira apabila kita gembira!" Katie dan Kenny tersenyum. Betapa indahnya dikasihi oleh Bapa yang di syurga.

# Hari 1

## Berbual dengan Ayah



### Mari lakukan ini!

- Buat sesuatu untuk mengingatkan anda bahawa Tuhan mengasihi anda. Dia bersukacita melihat anda, dan Dia senantiasa bersama anda, bersedia untuk mendengarkan doa-doa anda.
- Letakkan tangan anda di dada dan berikan diri anda pelukan daripada Tuhan. Anda boleh lakukan ini pada bila-bila masa sahaja untuk mengingatkan anda betapa Tuhan mengasihi anda.
- Baca Mazmur 23, 103, 145, 1 Korintus 13, dan 1 Yohanes 4:7-21, kemudian senaraikan semua cara bagaimana Tuhan mengasihi anda. Potong dan buat sebuah hati yang besar daripada kertas dan tuliskan senarai anda pada hati yang besar ini. Teruskan menambah idea-idea yang baru! Kita akan belajar lebih banyak lagi tentang kasih Tuhan sepanjang kekekalan.
- Tutorial untuk membuat hati kertas <https://artfulparent.com/how-to-cut-out-hearts/>



### Mari Berdoa



- Berterima kasih kepada Tuhan atas anugerah doa yang menakjubkan! Kita boleh berhubung dengan Bapa bila-bila masa saja, dan Dia mendengarkan kita dan mengasihi kita.
- Berterima kasih kepada Tuhan atas kasih-Nya. Berdoalah mengikut abjad, memuji Tuhan atas cara-Nya yang berbeza untuk mengasihi anda, dimulai dengan setiap huruf.
- Berdiam dan dengarkan kasih Tuhan untuk anda. Apakah yang akan Dia katakan kepada anda hari ini, untuk memberitahu anda betapa Dia mengasihi anda?



# Hari 2



## *Bapa kami yang di syurga*

Ayah sedang duduk di kerusi istimewanya bersama Katie dan Kenny. Dia kelihatan sangat sedih. Tengah hari tadi, dia terlupa untuk mengambil mereka dari sekolah! Katie dan Kenny juga kelihatan sangat sedih. Katie menangis dan Kenny juga sedih. Ayah mereka tidak pernah terlupa untuk menjemput mereka sebelum ini. Cik Peterson, guru Katie dan Kenny, menelefon telefon bimbit ayah. Dia mengingatkan ayah bahawa Katie dan Kenny sedang menunggunya. Ayah berasa sangat bersalah! Dia meninggalkan pekerjaannya secepat yang mungkin dan keluar untuk menjemput mereka. Dalam perjalanan pulang ke rumah, ayah membelikan ais krim untuk mereka berdua, menunjukkan bahawa dia sungguh rasa bersalah. Ayah memeluk Katie dan Kenny dengan erat.

"Ayah menyayangi kamu dan ayah sangat gembira, kerana kamu adalah anak-anak istimewa saya!" Air matanya mengalir membasahi pipi. "Saya meminta maaf kerana saya terlupa untuk menjemput kamu dari sekolah hari ini. Saya berharap saya tidak akan mengulangi kesilapan saya lagi.

"Kami sayang awak, ayah" Katie menyandarkan kepalanya ke dada ayah. "Kami tahu bahawa ayah menyayangi kami dan ayah tidak bermaksud untuk membuatkan kami takut dan sedih".

"Ayah sangat menyayangi kamu, tetapi saya hanyalah seorang ayah manusiawi yang biasa. Saya melakukan kesilapan. Saya perlu meminta maaf kepada kamu dan juga kepada Tuhan apabila saya menyakiti kamu seperti itu".

"Dan kami akan sentiasa mengampuni ayah!" kata Kenny, "Sama seperti Yesus mengampuni kita jika kita memohon keampunan".

"Terima kasih, Kenny" ayah tersenyum. "Yesus mengajar murid-murid-Nya bagaimana untuk berdoa kepada Bapa di syurga yang penuh kasih. Dia adalah Bapa yang tidak akan pernah melupakan kita. Dia adalah Bapa yang sentiasa bersedia untuk mengampuni kita. Ingatlah bahawa walaupun saya melakukan banyak kesilapan sebagai seorang bapa, Tuhan mengasihi kamu dengan kasih yang sungguh dan sempurna! Dan Yesus sudah mengajarkan kepada kita bagaimana untuk berdoa, pada bila-bila masa tentang apapun juga. Sangat menakjubkan!"

# Hari 2

## Bapa kami yang di syurga



### Mari lakukan ini!

- Bagaimana anda menggambarkan Bapa yang di syurga ketika anda berdoa kepada Dia? Kita semua membayangkan/menggambarkan Dia dengan cara yang berbeza, dan hal itu baik. Lukis bagaimana anda melihat/menggambarkan Tuhan.
- Tuhan dijelaskan/dihuraikan sebagai "Kasih – Pengasih". "Kita mengasih kerana Tuhan terlebih dahulu mengasih kita!" 1 Yohanes 4:19. Katakan kepada keluarga anda tentang pengalaman anda saat dimana anda telah merasai kasih sayang Tuhan.



### Mari Berdoa

- Kita mempunyai Bapa yang menakjubkan yang mana juga merupakan Tuhan alam semesta.
- Kita tidak memerlukan perkataan yang khas untuk berdoa. Tuhan memahami akan segala perkara yang kita ingin sampaikan kepada-Nya. Ketika anda berdoa, bayangkan anda sedang duduk di pangkuan Tuhan, dan berbicara dengan-Nya tentang hari anda, seperti mana anda akan berbual dengan ibu bapa yang paling penyayang dan baik hati.
- Tuhan adalah Ibu Bapa terbaik yang pernah kita miliki! Pujilah Dia yang menjaga anda dengan baik lebih dari ibu bapa anda di dunia.

# Hari 3

## *Dikuduskanlah Nama-Mu*



Ayah duduk di kerusi empuknya dan menghulurkan tangannya kepada Katie dan Kenny. Mereka berlari untuk duduk di pangkuannya! Hari itu adalah hari yang istimewa kerana ibu dan adik lelaki baru mereka baru sahaja pulang dari hospital. Ibu membedung adik kecil itu dengan selimut dan meletakkannya dengan lembut di dada ayah. Ayah memegangnya dengan penuh berhati-hati. Katie membiarkan bayi itu memegang salah satu jarinya dalam genggam tangan kecilnya yang kuat. Kenny membelai pipinya dengan lembut.

"Dia sangat comel" kata Kenny. "Apa kita harus panggil dia?" tanya Katie.

"Nah, kita memanggil Katie sempena nama Nenek Baker" kata ibu, "kerana dia seorang yang baik hati yang pernah kita jumpa! Dan Kenny dipanggil sempena nama Atuk Johnson kerana dia adalah seorang doktor yang mengambil berat tentang orang miskin yang tidak mampu membayar perkhidmatannya. Kami mahu kamu berdua mendapat inspirasi daripada kebaikan hati datuk dan nenek kamu!"

"Kami fikir kami akan memanggil adik baru kamu, Kristopher, sempena nama moyang kamu, Christopher. Setiap minggu dia mengajar Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak migran, supaya mereka dapat mengikuti pelajaran di sekolah" kata ayah.

"Tetapi kami akan menulis namanya dengan huruf 'K' supaya sepadan dengan nama kamu!". "Semua nama kamu istimewa" kata ibu. "Nama-nama itu menggambarkan harapan kami supaya kamu membesar menjadi orang yang baik hati dan penyayang, sama seperti Yesus". Kristopher menggeliat. Ayah membelai kepala Kristopher dan membisikkan kata-kata yang mendamaikan di telinga kecilnya.

"Tuhan mempunyai banyak nama yang sangat istimewa!" kata ayah. "Setiap satu daripadanya menggambarkan sesuatu yang indah tentang sifat-Nya yang penyayang dan baik hati! Dia juga mempunyai nama istimewa yang telah diberikan kepada-Nya oleh Hagar, hamba Mesir Abraham dan Sarah. Dia memanggil-Nya El Roi, Tuhan yang melihat saya".

"Saya menyukainya" Katie tersenyum. "El Roi! Dia juga adalah Tuhan yang melihat kita!".

"Yesus mengajar kita untuk berdoa, 'Dikuduskanlah nama-Mu!'" kata ayah. "Kerana nama Tuhan adalah istimewa dan suci, dan kita menunjukkan kasih kita kepada-Nya dengan menyebut nama-Nya dengan kasih dan kagum".

# Hari 3

## *Dikuduskanlah Nama-Mu*



### **Mari lakukan ini!**



- Senaraikan nama Tuhan yang berbeza-beza. Selidiki lebih dalam tentang setiap nama-Nya dan apa yang diberitahu oleh nama itu tentang sifat penyayang-Nya.
- Jika anda ingin memberikan Tuhan nama yang menggambarkan pengalaman anda bersama dengan-Nya, seperti Hagar, apa yang akan kamu panggil dia?



### **Mari Berdoa**




- **Juruselamat**
- **Penebus**
- **Yahweh**

- Pilih salah satu nama Tuhan, cari apa maknanya dan gunakan nama ini untuk memberi inspirasi kepada doa pujian yang ringkas.
- Pilih salah satu nama kegemaran anda untuk Tuhan. Tuliskan nama-Nya di tengah sekeping kertas dan tuliskan pujian pendek penyembahan di sekitar nama-Nya.
- "Yahweh" adalah salah satu nama Tuhan. Kita menarik nafas ketika kita mengatakan "Yah" dan menghembus nafas ketika kita menyebut "Weh". Cuba sebut "Yahweh, dengan sepenuh hati memuji Tuhan, sambil menarik nafas dan menghembuskan nafas. Setiap hembusan nafas, kita memuji nama Tuhan yang suci.

# Hari 4

## *Datanglah kerajaan-Mu*



Ayah sedang bercerita kepada Katie dan Kenny tentang cerita dalam Alkitab mengenai Raja Daud. Dia menjelaskan bahawa Daud sangat baik terhadap anak lelaki kawan baiknya, Mefiboset, yang tidak dapat berjalan. Raja Daud menjemput Mefiboset untuk tinggal di istananya dan makan di mejanya (2 Samuel 9).

"Itu adalah perkara yang sangat baik yang dilakukan oleh Raja Daud!" kata Kenny dengan teruja.

"Tuhan mengajar Daud bagaimana untuk menjadi raja yang baik, kerana Allah adalah Raja yang penuh dengan kebaikan," kata ayah.

"Saya ingin sekali tinggal di sebuah kerajaan di mana semua orang baik hati," kata Katie.

"Nah, apabila kita tahu betapa Allah mengasihi kita, kita mengasihi Dia, dan kita mengasihi orang lain juga! Maka Allah adalah Raja kita, dan kita tinggal di dalam Kerajaan-Nya di sini sekarang!" kata ibu. "Jika Allah adalah Raja di dalam hati kamu, kamu akan hidup dalam Kerajaan-Nya di mana sahaja kamu berada! Yesus mengajarkan murid-murid-Nya untuk berdoa supaya kerajaan Allah hidup dalam kehidupan mereka. Doa yang sungguh menakjubkan!"

"Tetapi ada sesetengah raja yang jahat dan tamak, dan mereka memulakan peperangan untuk merebut tanah orang lain," kata Katie dengan wajah yang sedih.

"Ya, itu kerana mereka ingin menjadi raja untuk kehidupan mereka sendiri, dan mereka mahu memiliki kekuasaan, pengawalan, tanah, dan kekayaan," jelas ayah.


"Tetapi Allah adalah kasih, dan Dia tidak mahu mengawal kita, dan Dia tidak tamak atau mementingkan diri. Jika Allah adalah Raja kita, kita hidup dengan aman bersama orang lain, kita mengongsikan barang kita kepada mereka, dan kita bersabar serta prihatin. Sangat bahagia untuk hidup seperti itu! Dan apabila kita hidup sedemikian, orang lain akan melihat betapa baiknya hidup dalam kerajaan Allah!"

"Ianya sungguh menakjubkan!" Kenny sangat teruja! "Saya mahu hidup dalam kerajaan Allah sekarang juga! Ia kedengarannya seperti tempat yang terbaik untuk dihuni!"

"Ya, sudah tentu, Kenny!" Ibu tersenyum. "Dan kita sedang hidup dalam kerajaan Allah di rumah kita, di gereja kita, dan dalam komuniti kita! Bilamana kita hidup mengikut nilai kasih Tuhan, kerajaan-Nya berkembang di bumi. Suatu hari nanti kita akan tinggal bersama di bumi yang baru, dan kita akan hidup dalam kerajaan Allah yang sempurna selama-lamanya!"

# Hari 4

## Datanglah kerajaan-Mu



### Mari lakukan ini!



- Ceritakan bagaimana kerajaan Allah yang penuh kasih itu berbeza dengan kerajaan duniawi.
- Buat sebuah mahkota daripada kertas atau kadbod. Sebelum anda melekatkan hujungnya, letakkan mahkota itu dengan rata di atas meja dan tuliskan beberapa nilai-nilai dalam kerajaan Allah pada mahkota itu, seperti kasih, damai sejahtera, sukacita, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, dan penguasaan diri (Galatia 5:22-23).
- Templat mahkota kertas: <https://superstarworksheets.com/wp-content/uploads/2024/02/KingCrownTemplate.pdf>



### Mari Berdoa

- Undang Tuhan untuk menjadi Raja yang penuh kasih dalam hidup anda.
- Mintalah Dia untuk membantu anda dalam mengembangkan nilai-nilai kerajaan Allah supaya anda dapat menunjukkannya kepada orang lain seperti apakah kerajaan Allah itu.

# *Hari 5*

## *Jadilah kehendak-Mu di atas bumi seperti di syurga*



Ayah sedang membacakan Doa Tuhan Yesus kepada Katie dan Kenny. Kenny berasa hairan. "Apakah maksud tentang kehendak Tuhan yang dilakukan di bumi seperti di syurga?"

"Soalan yang baik, Kenny", kata ayah. "Menemukan cara bagaimana untuk melakukan kehendak Allah adalah salah satu perkara ayang paling penting untuk kita pelajari!".

"Tetapi bagaimana kita dapat mengetahui kehendak-Nya? Adakah Dia memberitahu kita apa yang Dia mahu kita lakukan?" tanya Katie.

"Kadang-kadang apabila saya berdoa, Tuhan memberikan saya idea yang baik tentang apa yang perlu dilakukan. Ketika saya berdoa untuk berkahwin dengan ibu kamu, saya merasakan petunjuk yang kuat daripada Tuhan bahawa hal itu adalah perkara yang benar untuk dilakukan! Dan ternyata benar!".

"Wah! Tuhan membantu ayah memilih ibu! Sesuatu yang istimewa!" Katie memeluk ibu dengan lembut kerana bayi Kristopher sedang tidur dalam pelukannya.

"Yesus datang untuk menunjukkan kepada kita seperti apakah Tuhan itu, dan Yesus sentiasa melakukan kehendak Allah," jelas ibu. "Boleh kamu fikirkan beberapa perkara yang Yesus telah lakukan?"

"Ya! Dia sangat baik dan suka membantu!" kata Kenny. "Dia membuat orang gembira! Dia bersahabat dengan semua orang, tidak kira orang asing, orang yang menghidap penyakit kusta, kanak-kanak, dan orang yang berduka dan kesepian!".

"Sangat betul, Kenny" ayah tersenyum. "Ia adalah kehendak Tuhan agar kita sentiasa bersikap baik dan mesra kepada orang lain. Setiap kali kita melakukan perkara-perkara yang baik, kita bukan sahaja melakukan kehendak Tuhan, tetapi kita juga membantu orang lain untuk merasakan kasih Tuhan!".

"Hei! Saya ada idea yang hebat!" jerit Katie "Hari jadi kita tidak lama lagi! Kita akan berumur sepuluh tahun! Apa kata kita raikan hari itu dengan melakukan sepuluh perkara baik bersama-sama, untuk orang yang dalam kesedihan dan kesepian!" Kenny bersetuju. "Ya! Mari kita lakukan. Ia akan menjadi ulang tahun kelahiran yang terbaik pernah terjadi!".

"Hal itu merupakan cara yang terbaik untuk melakukan kehendak Tuhan di dunia!" ibu bersetuju. "Kamu akan benar-benar mengamalkan Doa Tuhan Yesus apabila kamu melakukan hal tersebut!"

# Hari 5

## Jadilah kehendak-Mu di atas bumi seperti di syurga




### Mari lakukan ini!



- Setiap kali kita berbuat baik, kita sedang melaksanakan kehendak Tuhan di bumi seperti yang di syurga. Lakukan sesuatu yang baik untuk setiap orang dalam keluarga anda. Gunting kertas seperti bentuk hati dan tuliskan "Hati yang baik ada di sini!" untuk setiap satu. Tinggalkan hati yang baik di tempat-tempat di mana anda berbuat baik.
- Tawarkan diri untuk membantu orang dewasa dalam keluarga anda selama 15 atau 20 minit. Dengarkan dengan teliti arahan mereka dan lakukan dengan gembira apa sahaja yang mereka minta.



### Mari Berdoa



- Doa bukan hanya sekadar berbicara dengan Tuhan. Ia juga berkenaan dengan mendengarkan Tuhan. Baca Doa Tuhan Yesus bersama-sama dan kemudian luangkan sedikit masa untuk berdiam, mendengarkan apa yang Tuhan mahu anda lakukan hari ini. Ambil masa untuk berhenti dan berdoa seketika pada hari ini, 'bantu saya untuk mengetahui kehendak-Mu dan melakukan yang baik kepada orang lain.' Tuhan akan membantu anda untuk membuat pilihan yang tepat.



# Hari 6

## *Berikan kepada kami makanan yang secukupnya*



Tidak lama lagi, hari jadi Katie dan Kenny! Mereka telah merancang sepuluh perkara baik yang mereka boleh lakukan untuk orang lain. Kemudian mereka menulis senarai hadiah yang mereka inginkan untuk diri mereka sendiri. Mereka naik di atas pangkuan ayah dan menunjukkan kepadanya rancangan baik mereka dan senarai keinginan mereka.

Ayah tersengih "Oh, senarai yang sangat panjang! Mari saya tengok.. Mainan, mainan lagi, dan lagi banyak mainan!" Dia membaca senarai mereka dengan kuat. "Antara semua ini, mana satu yang benar-benar kamu perlukan?"

Kenny perlukan jam tangan baru supaya dia tahu bila masa pulang untuk makan malam. Katie perlukan basikal baru kerana basikal lamanya sudah terlalu kecil untuk dia. Ayah mengangguk "Kamu berdua membuat pilihan yang baik! Mari kita lihat apa yang berlaku pada hari jadi kamu!"

"Semasa umur saya seperti kamu, keluarga saya sangat miskin," kata ibu. "Hadiah hari jadi saya hanyalah sehelai baju sejuk yang hangat. Pada mulanya saya kecewa. Tetapi waktu itu musim sejuk yang sangat sejuk, dan saya sangat gembira mempunyai baju sejuk yang elok untuk ke sekolah, kerana saya boleh bermain di luar bersama rakan-rakan saya".

Ayah membuka Alkitabnya dalam Doa Tuhan Yesus. "Yesus mengajar kita untuk berdoa, 'berikanlah kami rezeki pada hari ini'. Tuhan memberikan semua keperluan asas yang kita perlukan untuk terus hidup dan sihat hari demi hari. Dan itu sudah mencukupi. Dia sudah mengetahui segala yang kita perlukan dan setiap pemberian baik yang kita miliki datang daripada-Nya, kerana Dia mengasihi kita".

"Basikal dan jam tangan pun?" tanya Kenny.

"Ya, semua yang kami berikan kepada kamu datang daripada Tuhan! Dia memberi saya tenaga untuk bekerja dan mencari wang untuk menjaga kamu!" kata ayah sambil tersenyum.

"Oleh sebab itulah kita mengucapkan syukur kepada Tuhan atas makanan ketika kita duduk untuk makan," kata ibu. "Ia mengingatkan kita bahawa Tuhan memelihara kita setiap hari". Dia mengambil sebuah kotak. "Siapa yang mahu membantu saya mengisi kotak ini dengan makanan untuk keluarga baru di gereja kita? Ayah mereka belum mendapat pekerjaan lagi. Barangkali kita akan menjadi jawapan kepada doa mereka hari ini!".

# Hari 6

*Berikan kepada kami makanan yang secukupnya*



## Mari lakukan ini!



- Buat satu set alas meja atau kad untuk meja makan anda. Tuliskan doa syukur kegemaran anda untuk makanan.
- Buat bungkusan makanan untuk dibawa kepada keluarga yang mungkin memerlukan makanan pada hari ini. Jadilah jawapan kepada doa mereka untuk rezeki pada hari ini.



## Mari Berdoa

- Pelajari doa kesyukuran yang berbeza untuk makanan dari seluruh dunia.
- Buat senarai semua perkara yang Tuhan sudah lakukan hari ini untuk terus menjaga hidup dan kesihatan anda. Fikirkan tentang setiap minit anda tidur, setiap nafas yang anda ambil, dan setiap degupan jantung anda. Kemudian bersyukurlah atas semua yang anda sudah senaraikan. Setiap satu daripadanya adalah anugerah kasih daripada Tuhan Bapa kita.

# Hari 7

## *Ampunilah kesalahan kami*



"Mari kita main sorok-sorok!" Kenny sangat teruja!

"Kedengaran sangat menyeronokkan!" kata Katie. Dia mengira sehingga 20 sementara Kenny berlari dan bersembunyi. Katie menjumpai Kenny yang sedang bersembunyi di bawah katil ibu dan ayah. Dia begitu teruja sehingga melompat ke atas katil.

"Hey, Katie!" dahi Kenny berkerut. "Ayah memberitahu kita supaya jangan melompat di atas katil mereka. Ia milik atuk dan nenek kita, ingat".

"Tetapi sangat menyeronokkan!" jerit Katie. Kenny melompat di atas katil. Mereka ketawa dan melantun bersama. Tiba-tiba terdengar bunyi retakan yang kuat, dan katil itu melorot ke tengah.

"Oh tidak, Katie! Sekarang apa yang harus kita lakukan?" Katie ketakutan.

"Mari bersembunyi!" Mereka merangkak di bawah katil Kenny.

"Katie! Kenny! Ayah sudah balik! Kamu ada di mana?" ayah masuk ke dalam biliknya untuk menukar pakaian. Dia memanggil lagi "Katie! Kenny! Kamu berada di mana?" Suaranya kali ini kedengaran risau. Ayah masuk ke dalam bilik mereka. Dia melihat jari-jari kaki Katie yang terkeluar. "Katie dan Kenny," katanya dengan lembut. "Tolong beritahu saya apa yang terjadi pada katil kami". Suara ayah sangat lembut. Katie merangkak keluar. Air mata mengalir di pipinya.

"Maafkan saya, ayah," katanya sambil tersedu. "Kami sedang bermain sorok-sorok. Kami sangat teruja dan melompat atas katil ayah. Kami tidak tahu yang ia akan rosak".

"Mari sini" kata ayah dengan senyuman yang penuh kasih. "Terima kasih kerana berlaku jujur, Katie. Saya kesal kerana kamu ingkar tetapi saya tidak mahu kamu takut untuk memberitahu saya apabila sesuatu yang salah berlaku. Kami akan sentiasa memaafkan kamu! Mari tolong ayah membaiki katil ini. Saya akan mengambil peralatan saya".

Pada petang itu, kembar itu naik ke pangkuan ayah. "Kamu tahu, Bapa kita di syurga sentiasa bersedia untuk mengampuni kita apabila kita mengingkarinya," jelas ayah. "Dia tidak mahu kita lari dan bersembunyi! Dia mahu kita untuk datang dekat kepada-Nya dan rasa diampuni dan dikasihi! Kita boleh memberitahu Dia sentiasa apa yang telah kita lakukan dan memohon pengampunan. Dia sangat gembira untuk membasuh semua kesalahan kita selamanya!"

"Sungguh indah!" kata Kenny. "Saya sangat gembira Bapa kita di syurga sungguh baik dan maha mengampuni!"

# Hari 7

## Ampunilah kesalahan kami



**Mari lakukan ini!**



- Tiup beberapa buih. Perhatikan buih itu pecah. Boleh anda mencarinya kembali? Bolehkah anda mengembalikannya ke dalam bekas campuran buih? Tidak! Mereka sudah hilang selamanya, sama seperti dosa kita yang telah diampuni!
- Taburkan pasir halus di atas dulang. Tulis sesuatu yang anda sudah lakukan di atas pasir tersebut. Goncangkan dulang itu dengan lembut sambil berdoa memohon pengampunan dan lihat kesalahan anda hilang selamanya.



**Mari Berdoa**



- Cari tanah liat putih atau doh mainan, atau buat doh yang keras dengan menggunakan tepung, garam, dan air. Bentuk sesuatu yang mengingatkan anda tentang perkara salah yang anda telah lakukan. Pegang benda itu sementara anda berdoa untuk pengampunan. Kemudian bentuk doh tersebut menjadi hati berwarna putih. Tuhan telah mengampuni anda dan menjadikan hatimu kembali bersih!



# Hari 8

## *Seperti kami pun mengampuni yang bersalah terhadap kami*



Katie dan Kenny berlari ke arah ayah. Katie sedang menangis dan Kenny juga kelihatan sedih.

"Oh sayang! Apa yang berlaku di sekolah hari ini?" ayah memeluk mereka. "Mari kita membeli ais krim dan bercerita tentang hal itu."

Katie mengambil sesuap ais krim yang besar. Ianya sangat sejuk sehingga menyakitkan!

"Katie, perlahan sedikit" ayah ketawa "Adakah kamu kelaparan?"

"Saya lapar!" kata Katie. "Peter sangat marah sehingga dia mencampakkan makanan tengah hari saya di atas lantai!". Dia mengambil satu sudu ais krim yang lebih kecil. "Saya tidak membuatkan dia marah. Saya hanya orang yang paling terdekat dengan dia. Cik Peterson memberikan saya epalnya untuk dimakan".

"Oh Katie, saya kesian kamu kerana makan tengah hari kamu telah rosak." Ayah menenangkannya. "Ibu telah memasak makanan kegemaran kamu untuk makan malam! Dan bagaimana pula dengan kamu, Kenny? Apa yang membuat kamu begitu sedih?"

"Peter menjatuhkan saya! Saya terjatuh dan luka lutut saya!"

"Oh Kenny! Kesian kamu kerana kamu terluka!"

"Ayah, mengapa Peter jahat?" tanya Katie. "Dia sahabat kami!"

"Peter sedang melalui masa yang menyedihkan," jelas ayah. Ayahnya bekerja di luar negara, dan dia merindunya. Dan nenek dia, yang membantu ibunya, kini berada di hospital."

"Tetapi dia sepatutnya tidak menyakiti kami!" jerit Kenny.

"Saya tahu" kata ayah. "Tetapi apabila kita memahami betapa sedihnya dia, kita boleh memaafkannya, dan mencari cara untuk menenangkannya. Yesus berdoa untuk kita supaya kita mengampuni orang lain, sebagaimana Bapa di syurga mengampuni kita."

"Maksud ayah kita harus memaafkan Peter?" kata Katie. "Memaafkan orang lain bukan bermakna kita harus berkawan dengan mereka. Adalah lebih baik menjauhkan diri daripada orang apabila kita merasa tidak selamat," kata ayah. "Tetapi saya akan menelefon ibunya dan lihat bagaimana kita boleh membantu. Mari kita ajak dia untuk makan ais krim selepas sekolah esok."

"Saya tidak tahu bahawa Peter sangat sedih," kata Kenny dengan perlahan. "Mari kita berdoa agar Tuhan membantu kita untuk memaafkan dia dan berbuat baik kepadanya."

# Hari 8

*Seperti kami pun  
mengampuni yang  
bersalah terhadap kami*



**Mari lakukan ini!**



- Fikirkan seseorang yang telah menyakiti hati anda. Mungkin anda juga boleh memikirkan cara untuk berbuat baik kepadanya. Letakkan makanan dalam beg kertas dengan perkataan “Pengampunan” yang ditulis pada kertas itu. Duduk dalam bulatan. Berikan hadiah “Pengampunan” ini kepada orang di sebelah kiri anda. Minta dia untuk mengeluarkan makanan tersebut dan memberikan sekeping kepada anda. Kemudian minta dia untuk menyerahkan hadiah itu kepada orang seterusnya dan menerima sekeping makanan daripadanya. Ulang aktiviti ini, supaya setiap orang akan menerima hadiah “Pengampunan” dan memberikan sekeping semula kepada pemberi. Bincangkan bagaimana hal ini dapat menggambarkan pengampunan.



**Mari berdoa**

- Berdoalah untuk orang yang telah menyakiti hati anda. Doakan agar Tuhan memberkati mereka, seperti yang diajarkan oleh Yesus kepada kita. Ingatlah bahawa Tuhan mengasihi orang lain sama seperti Dia mengasihi anda!”

# Hari 9

*Janganlah membawa kami ke dalam pencobaan, tetapi bebaskan kami dari yang jahat*



Kenny sedang bermain bola sepak seorang diri. Tiba-tiba Peter berlari dan menendang bolanya ke dalam semak! Malam tadi semua orang telah berdoa untuk Peter. Kenny mahu bersikap baik kepadanya. Tetapi Peter mengganggunya lagi. Kenny berdoa, "Tolong Tuhan, bantu saya untuk bersikap baik kepada Peter. Bantu saya untuk mengasihinya dan bukan menyakitinya." Semasa Kenny menemui bola sepaknya, Katie sedang bercakap dengan Peter. Dia teringat tentang apa yang Yesus katakan tentang bersikap baik kepada mereka yang menyakiti kita".

"Hei Peter! Saya bawa beberapa keping biskut untuk dikongsi dengan kamu! Saya rasa mungkin kamu lapar". Peter teragak-agak. Dia teringat bagaimana dia bersikap jahat kepada Katie dan Kenny semalam. Dia tidak mahu menyakiti mereka. Dia hanya keliru dan berasa sedih di dalam hatinya. Dan dia sangat lapar kerana ibu tidak mempunyai waktu untuk menyediakan sarapan pagi. "Terima kasih, katie". Peter mengambil biskut itu. Dia memakannya dengan cepat dan Katie menawarkan satu lagi kepadanya.

"Katie dan Kenny, saya meminta maaf kerana saya melakukan yang jahat terhadap kamu semalam. Tolong maafkan saya," katanya dengan segan.

"Sudah tentu kami memaafkan kamu!" kata Katie. Kami bersimpati kerana ayah kamu terpaksa pergi dan nenek kamu sakit. Kami peduli tentang kamu! Ayah kadang-kadang membawa kami makan aiskrim selepas dari sekolah. Mahukah kamu ikut kami hari ini?" Peter tersenyum "Ya. Terima kasih" Kenny juga tersenyum. Tuhan sudah membantu mereka untuk bersikap baik terhadap Peter dan menahan godaan untuk bersikap jahat.

"Hei Peter! Mari bermain bola sepak! Lebih menyenangkan jika dua orang bermain!" Katie dan Kenny sangat gembira kerana Peter menyertai mereka untuk makan aiskrim. Ayah telah membantu ibu Peter membaiki keretanya. Dan ibu telah membungkus sekotak makanan untuk mereka. Petang itu, Katie dan Kenny duduk di pangkuan ayah untuk kebaktian. Dia membacakan kepada mereka kisah Yesus dicabar oleh syaitan. Setiap kali, Yesus menentang syaitan dengan meletakkan Tuhan di tempat pertama dan mengutip ayat-ayat Alkitab. Kemudian ayah berkata, "Saya sangat bangga dengan kamu berdua kerana mengatasi godaan untuk bersikap jahat kepada Peter, dan kerana meminta Tuhan untuk membantu kamu bersikap baik. Itulah yang dikatakan oleh Yesus ketika Dia mengajar kita bagaimana untuk berdoa!"

# Hari 9

*Janganlah membawa kami ke dalam pencobaan, tetapi bebaskan kami dari yang jahat*




## Mari lakukan ini!



- Apa yang anda tergoda untuk lakukan. Pilih satu ayat Alkitab tentang 'menahan godaan' untuk membantu anda menjadi kuat bersama Tuhan.
- Tuliskan ayat Alkitab 'menahan godaan' anda di atas kad kecil dan hias. Simpan kad itu sebagai doa peringatan yang istimewa.



## Mari berdoa



- Lukiskan bentuk tapak tangan orang dewasa.
- Tuliskan godaan-godaan yang anda hadapi pada tapak tangan itu. Bayangkan itu adalah tangan Tuhan.
- Anda boleh meletakkan semua godaan anda ke dalam tangan-Nya dan memohon kepada-Nya untuk membantu anda mengatasi godaan tersebut.
- Ingatlah bahawa anda boleh berdoa bila-bila masa sahaja. Bayangkan anda sedang memegang tangan Tuhan dan Dia dengan penuh kasih membantu anda membuat pilihan yang baik.

# Hari 10

## *Doa saya juga!*



Katie dan Kenny sangat menyukai malam Jumaat! Mereka sentiasa mengadakan waktu kebaktian khas bersama. Katie dan Kenny bergilir-gilir untuk membuat pencuci mulut istimewa bersama ibu. Katie dan Kenny biasanya menghias meja, kadang-kadang dengan menggunakan bunga dari halaman rumah, atau dengan benda-benda yang mereka buat di sekolah. Malam Jumaat dipenuhi dengan gelak tawa, pelukan, berkongsi berita baik, menghibur yang sedih, dan meluangkan masa bersama-sama dengan Tuhan. Ayah masih sibuk. Ada tali panjang yang berantai melalui bilik-bilik dan ke halaman. Katie dan Kenny teruja dan ingin tahu! Selepas makan malam, mereka berkumpul untuk kebaktian. "Kita telah meneliti bahagian-bahagian dalam doa istimewa Yesus. Jadi sekarang kita akan mencari harta karun untuk menemui semuanya!" Katie dan Kenny suka aktiviti mencari harta karun. Ayah memberi mereka tali dan memberitahu mereka untuk mengikutinya. Tali itu membawa mereka ke kerusi ayah di mana dia memberikan kepada mereka pelukan yang besar. "Bayangkan ini adalah pelukan daripada Bapa kamu di syurga!"

Kemudian mereka menjumpai sebuah poster yang mempunyai bentuk hati yang besar. "Tuliskan nama-nama kegemaran kamu untuk Tuhan ingati bahawa nama-Nya adalah suci," kata ibu. Tali itu membawa mereka ke sebuah mahkota, kemudian ke sebuah Alkitab yang mempunyai bentuk hati di muka depan untuk mengingatkan mereka tentang kehendak kasih Allah untuk kita. Mereka mengikuti tali itu ke dapur dan menemukan sekeping roti, kemudian ke sebuah baldi, di mana mereka mencuci batu-batu berlumut dan bercakap tentang pengampunan. Mereka melintasi beberapa biskut yang menggoda dengan tanda "Simpan ini untuk makan tengah hari Sabat!" Akhirnya, mereka menemui kunci yang diikat pada tali, dan sebuah peti harta karun yang sebenar! Apabila mereka membuka kotak itu, mereka menemui dua jurnal doa yang cantik, dengan peralatan-peralatan untuk mewarna, dan menulis! Ibu mengajar mereka beberapa gerakan untuk Doa Tuhan Yesus yang dia pelajari sewaktu masih kecil! Kemudian mereka semua berpelukan dengan erat. "Saya sangat gembira kerana Yesus memberikan kepada kita doa yang istimewa!" kata Kenny. "Saya juga!" kata Katie. "Dan terima kasih ibu dan ayah kerana menyediakan cara yang istimewa untuk kami mempelajarinya."

# Hari 10

## Doa saya juga!



### Mari lakukan ini!



- Cari objek-objek di rumah anda yang menggambarkan frasa-frasa dalam Doa Tuhan Yesus, seperti yang ditemui oleh Katie dan Kenny. Susun objek-objek tersebut mengikut urutan dan bacakan doa itu bersama-sama.
- Lukis gambar untuk menggambarkan setiap frasa dalam Doa Tuhan Yesus. Tuliskan setiap frasa di atas kertas, buat satu laluan, dan jalan mengikut laluan tersebut.
- Ulang berjalan beberapa kali, terbalikkan beberapa kertas footprint setiap kali, untuk menyembunyikan perkataan-perkataan tersebut semasa anda menghafalnya.



### Mari berdoa



- Cipta beberapa gerakan untuk Doa Tuhan Yesus – Pergerakan yang membantu otak kita untuk mengingati dengan lebih baik.
- Pilih lagu yang biasa didengar dan ubah Doa Tuhan Yesus menjadi sebuah lagu yang indah.
- Gunakan tema yang berbeza dalam Doa Tuhan Yesus dan tulis versi anda sendiri yang menyatakan persamaan pemikiran dengan kata-kata anda sendiri.





# Doa Tuhan Yesus

(dengan pergerakan tangan)



Gunakan pergerakan yang diterangkan di bawah semasa anda mengucapkan Doa Tuhan Yesus.

- **Bapa** (peluk badan sendiri)
- **Kami** (halakan kedua-dua tangan ke dada)
- **Yang ada di syurga** (angkat kedua-dua tangan ke atas)
- **Dikuduskanlah nama-Mu** (rapatkan kedua tangan dalam doa)
- **Datanglah kerajaan-Mu** (Tarik syurga turun dari langit ke dada dengan kedua-dua tangan)
- **Jadilah kehendak-Mu** (dengan siku rapat ke sisi, sentuh bahu dengan kedua-dua tangan pada masa yang sama – tangan kiri ke bahu kiri, kanan ke bahu kanan – kemudian turunkan kedua-dua tangan ke bawah, seolah-olah menawarkan, berhenti apabila tangan berada pada sudut 90 darjah di hadapan badan)
- **Di bumi** (kembangkan tangan ke bawah ke arah tanah dan sekitar, menunjukkan bumi)
- **Seperti di dalam syurga** (kembangkan tangan ke atas dan sekitar untuk menunjukkan langit)
- **Berikanlah kami pada hari ini** (mulakan dengan tangan terbuka dalam kedudukan menerima, kemudian tarik tangan ke dalam dan tutup tangan pada masa yang sama)
- **Makanan kami yang secukupnya** (gunakan tangan kiri sebagai sepotong roti, gunakan jari telunjuk dan jari tengah kanan bersama untuk membuat gerakan menyebarkan mentega ke kiri dan kanan atas tangan kiri)
- **Dan ampunilah kesalahan kami** (gunakan kedua-dua tangan dalam gerakan melemparkan sesuatu dengan jauh)
- **Seperti kami pun** (tunjuk diri sendiri dengan kedua-dua tangan)
- **Mengampuni yang** (ulang gerakan memaafkan seperti di atas)
- **Bersalah kepada kami** (genggam kedua-dua penumbuk, dan ketuk penumbuk kanan atas penumbuk kiri, seolah-olah memukulnya sekali)
- **Dan janganlah membawa kami ke dalam percobaan** (kekalkan penumbuk tertutup, silang pergelangan tangan seolah-olah mereka diikat bersama)
- **Tetapi bebaskanlah kami dari yang jahat** (Tarik pergelangan tangan itu terpisah seolah-olah dibebaskan secara tiba-tiba)
- **Kerana Engkaulah yang empunya kerajaan** (letakkan kedua-dua tangan di atas kepala, dengan jari-jari menghadap ke atas, untuk membentuk mahkota)
- **Dan kuasa** (gunakan kedua-dua tangan untuk menunjukkan otot lengan dalam gerakan kekuatan)
- **Dan kemuliaan** (angkat tangan bersama-sama di atas kepala, kemudian turunkan dan sebarkan ke sisi untuk membentuk bulatan yang mulia)
- **Selama-lamanya** (gerakkan tangan ke sisi secara serentak, dalam dua Langkah, seolah-olah menggambar bentuk M bulat)
- **Amen** (tangan bersatu dalam doa)

## Karen Holford

TED Children's Ministries

*Karen Holford is the Children's Ministries Director for the Trans-European Division. She loves to pray and to help other people experience how much God loves them!*



Click the link below for  
the hand motions

[Youtube](#)

Isikan tempat-tempat kosong

# Doa Tuhan Yesus

Matius 6:9-14

 \_\_\_\_\_ kami yang di  \_\_\_\_\_

Dikuduskanlah nama-Mu

Datanglah  \_\_\_\_\_ -Mu

 \_\_\_\_\_ kehendak-mu di  \_\_\_\_\_

seperti yang di dalam  \_\_\_\_\_

Berikanlah kami pada hari ini

 \_\_\_\_\_ kami yang secukupnya, dan

 \_\_\_\_\_ kesalahan kami

seperti kami pun mengampuni yang bersalah terhadap kami.

Janganlah  \_\_\_\_\_ kami ke dalam  \_\_\_\_\_

tetapi  \_\_\_\_\_ kami dari yang jahat,

kerana Engkau lah yang empunya  \_\_\_\_\_

dan  \_\_\_\_\_ dan  \_\_\_\_\_ .

Sampai selama-lamanya. Amen.